# Silat Lian sedang berkembang di Kuantan: 18 murid tunjukkan kecekapan

Oleh ABU BAKAR YA'AKUB

**KUANTAN, Rabu. — Pertumbuhan seni silat semakin rancak dan berbagai nama jenis yang khusus untuk mempertahankan diri — salah satu cabang kesenian Melayu — muncul dimerata tanahair.**

Antara seni silat yang terkemuka serta mendapat sambutan sekarang ialah, seni silat gayung, silat lincah, silat harimau, tarlak, silat puyuh, selepang, sendeng, kuntau jawa dan lain-lain.

Dan di Kuantan pula, muncul sejenis silat baru yang dinamakan Silat Lian.

Silat ini diberitakan bertapak di Johor dan dikembangkan ke Kuantan oleh seorang guru muda yang mahir, Encik Mohammad Ali bin Ishak.

"Silat Lian berlain samasekali dari jenis-jenis silat yang ternama sekarang," terang Encik Mohammad Ali kepada saya dalam upacara tamat latihan digelanggang yang bertutup di rumahnya baru-baru ini.

"Seorang ahli silat ini akan dapat mengelak segala serangan," katanya bersungguh - sungguh. "Pergerakan silat ini terlalu pantas, dan susah dikawal."

Menurutnya, di Kuantan sahaja seramai 60 orang pelatih telah tamat berguru dengannya.

Dalam upacara tamat latihan yang sempat saya saksikan seramai 18 orang murid telah menunjukkan kecekapan masing-masing.

## Pantas

"Mereka pantas belaka," kata Encik Mohammad Ali sambil menudingkan tangannya kearah beberapa orang muridnya yang sedang bertarung kekuatan dan kebolehan.

Menurut Encik Mohammad Ali yang baru berusia 32 tahun itu, ia belajar silat dari seorang guru yang terkemuka di Johor beberapa tahun lalu.

Orangnya pendiam, tetapi senantiasa dalam keadaan waswas dan senantiasa bersedia.

"Saya ajar mereka supaya mereka mampu mempertahankan diri dari sebarang serangan," terangnya seraya menambah: "Namun, ini tidak pula bertujuan menunjuk-nunjukan kebolehan. Apa yang kami ajarkan hanyalah untuk faedah mereka sahaja."

Encik Mohammad Ali menerangkan selanjutnya, niat utamanya mengajar seni tersebut ialah untuk menghidupkan seni itu supaya subur, sesubur silat-silat jenis lain.

"Kami tahu, seni silat sedang dihidupkan kembali terutama oleh persatuan-persatuan belia, jadi peluang ini kami gunakan untuk meluaskan pengetahuan yang ada pada kami," kata Encik Mohammad Ali yang membahasakan dirinya dengan 'kami' itu.

Menurutnya, ia sanggup mengajar sesiapa sahaja; asalkan peminat-peminat itu ikhlas.

Bagi melakasanakan tujuan itu, Encik Mohammad Ali telah membesarkan gelanggang di rumahnya.

Gelanggang tersebut sekarang boleh menampung kira-kira 30 orang pelatih sekali gus.

Selain dari mengajar di gelanggang di rumahnya, Encik Mohammad Ali juga sanggup mengajar dimana-mana sahaja asalkan diundang.